
UTUSAN MALAYSIA – SABTU 25 NOVEMBER 2017

Kerajaan teliti bantuan warga emas, insentif kepada penjaga

PUTRAJAYA 24 Nov. - Menyedari negara berdepan dengan fasa negara tua menjelang 2030, kerajaan meneliti Bantuan Orang Tua supaya ia diperluaskan kepada penjagaan warga emas dan pemberian insentif.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, Majlis Sosial Negara bersetuju supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewujudkan data warga emas.

Ahmad Zahid berkata, kerajaan mengalu-alukan dan menyokong supaya negeri serta pihak berkuasa

tempat-an mewujudkan kemudahan infrastruktur sosial kepada warga emas.

“Tiga kertas utama turut dibincangkan termasuklah Penuaan dan Sokongan Sosial - Penyediaan Keperluan Warga Emas di Malaysia dan Buli di Institusi Pendidikan dan Dalam Komuniti oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,” katanya dalam satu kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara kali pertama 2017 di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Selain itu turut menjadi perhatian dalam mesyuarat sama ialah

berkaitan dengan Cadangan Peningkatan Pendidikan Kerohanian di Peringkat Pendidikan Awal Kanak-kanak oleh Kementerian Pendidikan.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kes buli di sekolah, mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan beberapa perkara antaranya, pengelasan data yang memenuhi definisi buli yang sebenarnya perlu dilaksanakan.

Selain itu, kolaborasi yang berkesan bagi mewujudkan intervensi sosial bersepadu antara Jabatan Pendidikan negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pempa-

ngunan Keluarga Negara serta Polis Diraja Malaysia.

“Penggunaan media sosial oleh badan korporat dan pertubuhan bukan kerajaan dalam membantu sebagai ejen anti buli turut menjadi perhatian dalam mesyuarat berkenaan,” katanya.

Dalam kertas pembentangan ketiga, Kementerian Pendidikan mensyaratkan semua prasekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan (termasuk tadika swasta) perlu melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang ditambah baik untuk pelaksanaan tahun ini.